

Headline	Frim bantu tubuh sistem pangkalan data ekologi		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	02 Oct 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	37	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	269 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,480
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,439



# Frim bantu tubuh sistem pangkalan data ekologi

**INSTITUT** Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) telah membantu Kasetsart Universiti (KU) di Bangkok, Thailand, baru-baru ini untuk membangunkan pangkalan data dan sistem maklumat penyelidikan ekologi jangka panjang berdasarkan sistem MyERNet Frim.

Wakil Pengurusan Maklumat MyERNet Frim, Omarali Abdul Rahim, dijemput bagi mengendalikan program bengkel dan latihan penubuhan server Metacat yang berlangsung dari 5 hingga 9 September lalu di Fakulti Perhutanan KU (KUFF).

Bengkel tersebut dihadiri 10 peserta daripada lapan kakitangan KU dan dua wakil Kementerian Hidupan Liar Thailand. Selain Omarali, ia turut dikendalikan seorang lagi pengajar iaitu Dr Chen Chien-Wen dari Taiwan Forest Research Institute (TFRI).

Peserta diberi latihan intensif dalam memasukkan dan perkongsian data menggunakan Metacat iaitu perisian sumber terbuka yang asalnya disokong pihak pengurusan maklumat *International Long-term Ecological Research Network* (ILTER) untuk kegunaan penyelidik dan saintis menyimpan dan berkongsi data mereka.

Pemasangan server Metacat ini akan membolehkan saintis Thailand memuat naik data, meningkatkan keselamatan data jangka panjang, berkongsi data secara mudah dengan penyelidik lain, serta membolehkan akses terhad kepada kakitangan yang dibenarkan oleh pemilik data.

Metacat boleh diakses dari mana-mana pada bila-bila masa di seluruh dunia dan penyelidik atau pembekal data pembekal juga boleh memuat naik



**Peserta Kasetsart Universiti dan wakil agensi kerajaan Thailand mempelajari cara memasukkan data.**

data dengan mudah selagi mereka mempunyai akses internet.

Dengan menggunakan Metacat, Frim telah membangunkan sistem MyERNet sejak 2008 untuk menggalakkan pengurusan data penyelidikan ekologi dan maklumat yang lebih baik.

Dilancarkan pada April 2009, pasukan MyERNet Frim akan memberi sokongan teknikal kepada pembekal data yang berminat untuk

menggunakan sistem sama dalam negara dan rantau ini.

Frim mula memperkenalkan penggunaan MyERNet semasa Seminar Penyelidikan Jangka Panjang Ekologi Rantau Asia Pasifik Timur yang berlangsung daripada 3 hingga 4 Julai lalu di Kepong.

● SUMBER PORTAL FRIM